

SOALAN NO. 55**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 26 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk mengadakan rumah terbuka Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri 2017 di Kompleks Seri Perdana.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Perdana Menteri bersama Anggota Kabinet di Seri Perdana pada 25 Jun 2017 merupakan salah satu acara rasmi Kerajaan dan mengguna pakai kelayakan keraian meraikan Tetamu YAB Perdana Menteri sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Keseluruhan perbelanjaan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 16 Jun 2017 serta dikendalikan secara sederhana mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 bertarikh 11 Mac 2016 - Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.